

Menangani Cabaran Wanita Melalui Kajian Wacana Hadis Nabawi

Addressing the Challenges of Women Through Discourse Study of Hadith Nabawi

Ariza Abdullah, Mohd Azidan Abdul Jabar, Nik Farhan Mustapha & Pabiyah Toklubok@Hajimaming
Universiti Putra Malaysia
e-mail: arizabdullah@gmail.com

Abstrak

Wanita pada zaman globalisasi menghadapi pelbagai cabaran intelektual dan fizikal yang memerlukan kerjasama daripada masyarakat dan sokongan pelbagai institusi demi membawa perubahan positif ke dalam masyarakat itu sendiri. Artikel ini bertujuan untuk menampilkan solusi yang dianjurkan oleh Islam melalui apa yang diwarisi melalui Rasulullah SAW sebagai model melalui bahasa hadis yang diriwayatkan oleh para sahabat baginda terutamanya para wanita zaman itu sendiri. Solusi itu tidak lapuk bahkan mampu membawa perubahan sebagaimana ia telah merubah wanita pada zaman jahiliah menjadi wanita yang bertamadun dan jauh maju ke depan. Ini kerana ia berasaskan manhaj rabbani yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah. Manhaj ini menjadi jelas bila dicungkil melalui proses sosial yang terkandung di dalam wacana hadis Nabawi. Oleh itu Model Konsepsi Tiga Dimensi Wacana Fairclough (1992) yang menggabungkan analisis sosial dengan analisis tekstual dan amalan wacana digunakan untuk membuktikan praktis sosial wanita ketika itu yang berjaya melepasi cabaran semasa dan memenuhi prinsip manhaj Islami berkenaan para wanita yang digariskan oleh al-Siba'i (1999). Ini kerana kajian sosial sahaja tidaklah mencukupi untuk mencapai kepada solusi bahkan dapatan hanya mencakupi kewujudan masalah dan cabaran golongan wanita. Resolusi daripada kajian al-Moumani (2013), Umar (2011), dan lain-lain menyatakan perlunya kembali kepada contoh yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW tetapi tidak memberi solusi praktikal. Kajian melalui wacana hadis ini dapat memberi sumbangan dalam memperbaiki institusi sosial masyarakat dan kekeluargaan yang mencetuskan pelbagai gejala masyarakat di samping menyedarkan kepentingan bahasa sebagai satu solusi sosial. Oleh itu untuk membawa transformasi ke arah pembangunan masyarakat dan negara ialah dengan memperkasakan golongan wanita dalam menghadapi cabaran globalisasi ini.

Kata kunci permasalahan wanita, cabaran, transformasi, analisis wacana, globalisasi

Abstract

Women in this age of globalization faces many kinds of challenges intellectually and physically and need cooperation from the community and support of various institutions in order to bring about positive change in society itself. This paper aims to show the solution advocated by Islam through what is inherited through the Prophet Muhammad PBUH as a model through the language of the hadith narrated by his companions, especially the women themselves. The solution was not out-of-date and even able to bring changes, as it has changed women at the age of ignorance to become civilized woman and far advanced. This is because it is based on the methodology based on Al-Quran and Sunnah. This methodology becomes apparent when discovered through the social process contained in the passage of Hadith Nabawi. Therefore Fairclough's Three Dimensional Conception Model (1992), which combines social analysis with textual analysis and discourse practices is used to prove the social practice of successful women who went through the current challenges and meet the principles of Islamic methodology concerning women outlined by al-Siba'i (1999). This is because social studies alone are not sufficient to achieve an even solution and the findings only account for the existence of problems and challenges of women. Resolution of the study of al-Moumani (2013), Umar (2011), and others call for the need to return to the example set by the Prophet Muhammad PBUH but did not provide a practical solution. Textual studies on the hadith can contribute to improving the social and familial institutions that trigger a variety of bad symptoms in addition to awaken the interest of the society towards language as social solutions. Thus empowering women in facing the challenges of globalization can bring transformation to the development of society and the state.

Keywords women's issues, challenges, transformation, discourse analysis, globalization

PENDAHULUAN

Rasulullah SAW sejak lebih 14 abad yang lalu telah berjaya mengglobalkan wanita dan mentransformasi golongan ini menjadi wanita yang unggul. Tindakan ini terbukti daripada apa yang terakam di dalam sejarah Islam tentang kisah para sahabat dan golongan tabi'in dan seterusnya. Wanita pada zaman kedatangan Nabi Muhammad SAW tidak mendapat hak kemanusiaan dan dipandang hanya alat untuk memuaskan nafsu serta sebagai hamba kaum lelaki. Mereka tidak mendapat pembelaan daripada mana-mana pihak melainkan sekiranya mereka berharta dan datang dari keturunan yang mulia lagi kaya. Ini menjadikan mereka golongan kelas kedua yang tidak berpeluang menonjolkan keupayaan diri mereka yang sebenar. Melalui ajaran Islam Rasulullah SAW telah menunjukkan contoh dan memberi garis panduan yang berkesan dalam menangani pelbagai permasalahan wanita dan cabarannya yang mana dengan itu kedua-dua golongan lelaki dan perempuan dapat hidup dalam keadaan harmoni dan membina unit masyarakat yang gemilang sebagaimana yang menjadi tuntutan syariat.

Ajaran Rasulullah SAW dan panduan yang diberikan melalui al-Quran dan al-Sunnah bukan hanya untuk kaum pada zaman itu sahaja bahkan ia melangkaui sempadan masa dan tempat. Wanita yang mengikut ajaran Rasulullah SAW adalah wanita yang global dan dapat menyesuaikan dirinya dalam pelbagai situasi dan cabaran pada setiap zaman. Ini kerana mereka mempunyai asas yang kukuh yang mendasari keperibadian mereka dan tidak mudah untuk menjerumuskan diri dan jati diri mereka kepada kerendahan moral, etika dan maruah sebagai seorang muslimah.

Di dalam era globalisasi masyarakat moden hari ini, ramai wanita terpengaruh dengan pengaruh feminisma barat yang menggalakkan liberalisasi wanita dan kesamarataan gender sehingga menolak kawalan agama yang dianggap kolot dan mengongkong. Mereka menyeru kepada kebebasan bergerak dan berinteraksi tanpa sempadan dengan melakukan apa sahaja sehingga menafikan tabiat semulajadi seorang wanita dan tujuan penciptaannya demi mengejar keseronokan dan kemewahan hidup. Oleh itu tugas utama wanita sebagai seorang isteri dan ibu semakin diabaikan dengan mementingkan kerjaya penjana wang melebihi pendidikan insani generasi. Globalisasi ini ialah globalisasi negatif yang sebenarnya menjatuhkan maruah manusia terutamanya kaum wanita sendiri yang akhirnya merasakan mereka adalah mangsa keadaan. Ia juga merupakan punca kepada kecelaruan hidup yang mana buktinya ialah peningkatan jenayah, ketidakamanan dan ketidakpercayaan antara sesama manusia. Oleh itu transformasi wanita ialah dengan kembalinya mereka kepada ajaran Islam yang sebenar dengan memahami nas-nas al-Quran dan al-Sunnah.

Objektif kertas kerja ini ialah untuk melihat keberkesanan amalan wacana hadis dalam menangani permasalahan dan cabaran wanita sehingga membawa kepada transformasi keperibadian wanita yang dididik dalam manhaj Rabbani.

Kajian Sosial Menangani Permasalahan dan Cabaran Wanita Islam

Banyak permasalahan wanita di dalam masyarakat berkait dengan hubungan antara lelaki dan wanita sebagai suami isteri atau sebagai anggota masyarakat kerana setiap daripada mereka mempunyai hak dan tanggungjawab yang perlu ditunaikan. Pengabaian hak dan tanggungjawab mencetuskan permasalahan manakala cabaran wanita ialah untuk mengikuti arus perkembangan semasa dan dalam masa yang sama menunaikan tanggungjawab dan hak sebagai individu, anak, isteri dan ibu di peringkat keluarga dan masyarakat hinggalah ke peringkat global.

Al-Quran dan al-Sunnah telah lama menjadi bahan kajian bidang sosial untuk mendapat keharmonian rumahtangga dalam keluarga dan masyarakat serta negara. Antaranya kajian Omar (1997) tentang faktor-faktor kestabilan keluarga sebagaimana yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah yang menegaskan keadilan manhaj Islami dalam memberikan hak kepada yang berhak dan dengan menunaikan hak masing-masing akan menyebabkan kestabilan keluarga serta mengelak daripada permasalahan antara suami dan isteri. Oleh itu ibu yang solehah adalah perantara kemaslahatan masyarakat dan ketaatan wanita terhadap suaminya mendapat balasan di dunia dan di akhirat.

Ramai pengkaji telah menyedari kepentingan mengkaji hadis Nabi SAW sebagai penyelesaian masalah ummah antaranya kajian al-Syahud (2009), al Munjid (t.t), Ibrahim (2008), namun ia tidak menekankan permasalahan wanita secara khusus. Oleh itu beberapa kajian seperti kajian (al-Moumani: 2013) dan (Umar: 2011), telah menegaskan kepentingan berdialog dengan adab-adabnya sebagai

penyelesaian kebuntuan hubungan sesama manusia lebih-lebih lagi antara suami dan isteri dengan mengambil iktibar daripada sirah Rasulullah SAW. Seterusnya dua pengkaji daripada Algeria iaitu Ahmadi dan Sahrawi (2013) telah mengkaji cara Rasulullah bermuamalah dengan para isteri baginda dari segi cara, peringkat dan strategi dialog. Namun kajian-kajian sosial yang signifikan ini masih belum mencukupi tanpa menggabungkannya dengan kajian bahasa yang turut menyumbang dalam memberi penyelesaian terhadap permasalahan sosial. Oleh itu kajian yang menggabungkan antara keduanya perlu diadakan.

Kajian Wacana Hadis

Bahasa sebagai wahana ilmu (Awang Sariyan, 2007) meliputi pelbagai bidang kehidupan. Ia bukan sahaja suatu sistem komunikasi manusia yang terdiri daripada bunyi atau bentuk tertentu bahkan ia juga sebahagian daripada sistem sosial dan budaya sesuatu masyarakat. Ia menjadi semakin penting dalam era teknologi maklumat dan globalisasi ini kerana ia menjadi medium untuk mengawal dan mencorakkan masyarakat melalui kefahaman serta ideologi yang dibawa di samping nilai-nilai yang ingin diterapkan (Fairclough, 1989). Ia juga berfungsi mendominasi melalui penggunaan bahasa dalam proses sosial dan budaya yang lebih luas (Fairclough, 1992). Melalui analisis wacana, pelbagai kefahaman, ideologi, norma dan nilai-nilai yang tumpat akan dapat disingkap dan diuraikan.

Wacana hadis sebagai sumber kedua umat Islam mendapat perhatian pelbagai pihak dalam setiap era sejak dari zaman para sahabat baginda SAW. Bermula daripada usaha pengumpulan hadis, huraian, pengistinbatan hukum serta kajian tentang bahasa (nahu) dan keindahan bahasa (balaghah) dan lain-lain karya agung telah banyak dihasilkan. Walau bagaimanapun, analisis genre agama terutamanya kajian tentang perkaitan antara bahasa dan sistem sosial di era baru ini masih tidak dimanfaatkan sepenuhnya untuk diteliti bagaimana proses sosial yang dibuktikan melalui aspek tekstual dan amalan wacana dilangsungkan di dalam bahasa.


Antara analisis wacana hadis secara kritis ialah kajian Mohd Akil Muhammad Ali et al. daripada UKM yang telah menghasilkan sebuah artikel bertajuk “Hadith Anti Wanita berkenaan Kehidupan Rumahtangga: Kritikan terhadap Feminis Liberal” (2011) dan juga kajian tentang aspek kepimpinan oleh Munif Zariruddin Fikri bin Nordin (2008) yang bertajuk “Bahasa Kepimpinan Rasulullah SAW: Analisis wacana khutbah Ghazawat al-Rasul. Analisis wacana hadis adalah model terbaik menangani isu-isu sosial dan perlu dikaji secara mendalam termasuk dari aspek penggunaan bahasa, struktur wacana serta penghasilannya. Kertas kerja ini satu analisis daripada bahasa hadis untuk membuktikan proses sosial yang terdapat di dalamnya melangkaui sempadan tempat dan masa serta teramat relevan untuk digunapakai di zaman serba canggih dan moden.

Justeru itu, kajian bahasa hadis ini ialah untuk menjawab persoalan berikut:

1. Bagaimanakah amalan wacana dan struktur bahasa hadis dapat memberi sumbangan dalam menangani cabaran yang dilalui oleh wanita?
2. Apakah transformasi yang berlaku pada wanita di zaman Rasulullah SAW yang boleh diaplikasikan oleh wanita di zaman globalisasi?

REKA BENTUK KAJIAN

Untuk mendapatkan analisis yang teratur dan jelas, kajian ini mengambil sandaran kerangka teori bahasa analisis wacana kritis (AWK) yang menghubungkan antara bahasa dan kehidupan sosial yang dicadangkan oleh Fairclough (1989, 1992, 1995, 2003) iaitu Model Konsepsi Tiga Dimensi Wacana (1992) yang menganalisis teks dari tiga dimensi iaitu pertama, dimensi tekstual meliputi analisis bentuk bahasa seperti tatabahasa dan kosakata; kedua, dimensi amalan wacana yang melibatkan proses penghasilannya, penyebarannya, penggunaan dan pemanfaatannya selain dari analisis struktural dari sudut genre dan gaya; dan ketiga, dimensi praktis sosial yang menjadi pegangan pewacana dan melatari masyarakat. Model ini sebagaimana digambarkan dalam rajah di bawah:



Rajah 1 Model konsepsi tiga dimensi wacana Fairclough

Di dalam artikel yang terhad ini hanya aspek kedua iaitu aspek amalan wacana sahaja yang diberi tumpuan untuk dikaitkan dengan praktis sosial dan seterusnya penerangan dikaitkan dengan prinsip Islami yang melibatkan isu wanita sebagaimana yang digariskan oleh al-Siba'i (1999) yang antaranya memuliakan wanita dan menyamakan kedudukannya disisi Allah SWT sama seperti lelaki sekiranya mereka bertaqwa. Dimensi amalan wacana di sini dilihat sebagai pengantara antara struktur sosial (dalam masyarakat) dan peristiwa sosial (gaya pengungkapan perawi yang dihasilkan melalui lisan pada mulanya dan kemudian disebar dan dimanfaatkan melalui tulisan) melalui teks hadis nabawi. Fairclough (2003) menekankan praktis sosial ini menghubungkan wacana dengan unsur sosial yang bukan wacana. Wacana seterusnya menjadi representasi yang menjadi sebahagian daripada praktis sosial. Praktis Islami yang menjadi pegangan wanita di dalam hadis inilah yang mencetus perubahan dan transformasi hasil daripada cabaran yang dihadapi dan direpresentasikan oleh wacana hadis. Dua hadis yang paling menonjol merepresentasikan praktis ini telah dianalisis melalui teks hadis yang dibahagikan kepada beberapa perenggan yang bertanda dengan nombor untuk memudahkan penghuraian. Kedua-dua hadis ini diambil dari kitab Sahih Bukhari yang mana diakui menduduki tempat teratas dalam senarai kitab Sahih (al-Salih, 2000) untuk menjamin kebolehpercayaan natijahnya.

ANALISIS DATA

Analisis terbahagi kepada dua bahagian iaitu pertama analisis amalan wacana dan kedua analisis struktur teks. Sementara analisis proses sosial iaitu transformasi wanita terkandung dalam kedua-dua analisis tersebut. Perbincangan analisis kemudiannya adalah berdasarkan prinsip *manhaj Islami*. Dua hadis dipilih untuk menerangkan transformasi wanita melalui analisis bahasa hadis dalam menangani permasalahan dan cabaran wanita. Dua teks tersebut ialah hadis Ummu Ismail dan hadis *Ifk*:

1. Hadis Ummu Ismail ialah hadis 3364 daripada kitab *ahadith anbiya*, bab "*wattakhazallahu Ibrahim Khalila*" daripada Sahih Bukhari merupakan hadis berbentuk kisah Nabi Ibrahim AS dan anaknya Nabi Ismail AS serta kisah penemuan telaga air zamzam diriwayatkan oleh Ibn Abbas. Ia dibahagikan kepada lapan perenggan yang bertanda nombor (1-8)
2. Hadis *Ifk* ialah hadis 4467 daripada kitab tafsir al-Quran Surah al-Nur, bab "*walaula iz sami'tumuuhu*" dalam Sahih Bukhari merupakan kisah tuduhan bohong tentang hubungan Saiyidatina Aishah RH dengan Safwan al-Mu'attal semasa pulang dari peperangan Bani Mustoliq. Riwayat ini juga terdapat dalam kitab al-Syahadat dalam bab *ta'dil bayn al-nisa'*. Ia dibahagikan kepada 11 perenggan yang bertanda nombor (1-11).

Terjemahan Hadis Ummu Ismail

Daripada Ibnu Abbas r.a. katanya: **1.** Mulanya perempuan yang mengambil (memakai) ikat pinggang, ialah ibu Nabi Ismail AS, diambilnya ikat pinggang supaya hilang jejaknya oleh Sarah. Kemudian Nabi Ibrahim AS membawa Ibu Ismail dan anaknya yang masih menyusu, lalu ditempatkannya dekat perumahan Bait (Ka'bah), di bawah pohon Dauhah ditepi bakal sumur Zamzam, di perumahan masjid. Waktu itu tidak ada seorang pun yang tinggal di Makkah dan di situ air pun tidak ada. Nabi Ibrahim lalu menempatkan keduanya di sana dan diletakkannya di sisi keduanya sebuah tempat minum yang berisi air. **2.** Kemudian Nabi Ibrahim berangkat. Ibu Ismail lalu mengikutinya sambil berkata: "Hai Ibrahim! Tuan hendak kemana? Sampai hatikah tuan meninggalkan kami dilembah yang tidak ada manusia dan tidak pula ada sesuatunya di sini". Diucapkannya perkataan itu berulang – ulang. Nabi Ibrahim tiada melengong. Kata ibu ismail kepadanya: "Tuhankah yang menyuruh tuan buat begini?" Jawab Ibrahim: "Ya!" Katanya: "Jika begitu, Tuhan tiada akan menyia-nyiakkan kami. Kemudian ibu Ismail kembali dan dan Ibrahim pun terus berjalan. Ketika ia berada di Saniah, di tempat yang kira – kira tidak kelihatan oleh ibu Ismail, Ibrahim menghadap ke arah Bait, kemudian ia berdo'a dengan beberapa kalimat, sambil mengangkat kedua tangannya. Do'anya: {"Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya aku menempatkan sebahagian dari turunku di lembah yang tiada mempunyai tanam-tanaman, di dekat Rumah suci Engkau. Wahai Tuhan kami! Supaya mereka tetap mengerjakan sembahyang. Sebab itu, jadikanlah hati manusia tertarik kepada mereka, dan berilah mereka buah-buahan, menjadi rezeki mereka mudah-mudahan mereka berterima kasih!} (Surah Ibrahim: 37) **3.** Kemudian Ibu Ismail menyusukan anaknya dan meminum air yang disediakan itu. Ketika air yang dalam tempat itu habis, ia dan anaknya merasa haus. Ketika ia memandang anaknya membalik-balik, ia pun pergi kerana tak sampai hati melihat anaknya. Maka dilihatnya bukit Safa paling dekat kepadanya. Lalu ia berdiri ke sana dan menghadap ke lembah, kalau-kalau ada orang. Tetapi ia tidak melihat seorang jua pun. Ia turun dari Safa. Ketika ia di lembah, diangkatnya tepi bajunya, kemudian ia berjalan cepat-cepat seperti perjalanan orang kecemasan, sampai ia melewati lembah. Kemudian ia tiba di Marwah, lalu ia berdiri di situ dan melihat kalau-kalau ada orang. Tetapi ia tiada melihat seorang jua pun. Dilakukannya yang demikian itu sampai tujuh kali. **4.** Ibn Abbas berkata: Rasulullah S.A.W. bersabda: "Kerana itulah orang haji mengerjakan Sa'i di antara Safa dan Marwah." Ketika ibu Ismail berada di Marwah, ia mendengar suara, lalu ia berkata kepada dirinya sendiri: "Dengarlah!" Kemudian ia berhati-hati mendengarkannya, maka didengarnya pula suara itu. Ia berkata: "Sesungguhnya engkau telah memperdengarkan suara, adalah kiranya pertolongan dari sisi engkau." Tiba-tiba di situ ada malaikat dekat tempat Zamzam, lalu ia menggali dengan tumitnya atau dengan sayapnya, sehingga keluarlah air, Ibu Ismail lalu membendungnya dengan tangannya begini: Ia menyukai air itu untuk mengisi tempat airnya, dan air itu pun terus menyembur sesudah disauk. Ibnu abbas berkata: Nabi s.a.w. bersabda: "Mudah-mudahan Tuhan mengasihi ibu Ismail! Jika dibiarkannya ZamZam, atau tidak disauknya air itu, sesungguhnya akan menjadi air mata air yang mengalir". Sabda beliau: "Ibu Ismail lalu minum dan menyusukan anaknya. Malaikat berkata dengannya: "Janganlah engkau takut akan binasa! Sesungguhnya di sini Baitullah yang bakal dibangun oleh anak dan ayahnya, dan sesungguhnya Tuhan tiada akan menyia-nyiakkan penduduk tempat ini". Dan tinggi Baitullah dari tanah sebagai menunggu, yang dilanda oleh banjir di sebelah kanan dan kirinya. **5.** Demikianlah keadaan perempuan itu, sehingga lalulah serombongan dari suku Jurhum yang datang dari jalan Kada'. Lalu mereka itu berhenti di hilir Makkah. Mereka melihat burung berputar di atas air". Sebenarnya kita di lembah ini menemui tempat yang di situ ada air. Mereka lalu mengirim seorang atau dua orang utusan. Tiba-tiba utusan itu menemui air, segera mereka kembali dan terus dikabarkannya pada mereka (kawannya) bahawa di situ ada air. Lalu mereka berkata -: "Adakah kamu mengizinkan kami tinggal di tempatmu?" "Jawab perempuan itu: "Ya, tetapi kamu tiada berhak atas air itu!" Kata mereka: "Ya, baiklah!" Ibu Ismail menerimanya dengan baik, kerana dia ingin ada orang lain bersama dia. Mereka lalu tinggal di situ bersama-sama dengan keluarga mereka, sehingga terjadilah beberapa rumah tangga mereka, sedang Ismail telah agak besar (hampir dewasa) Ia mempelajari bahasa Arab dari mereka, Ia amat dikasihi mereka. Ismail amat menarik dan mengagumkan mereka, ketika itu umurnya hampir dewasa. Mereka mengahwinkan Ismail dengan seorang perempuan di antara mereka, dan ibu Ismail pun meninggal. **6.** Sesudah Ismail kahwin, datanglah Nabi Ibrahim mencari anak Isteri yang ditinggalkannya, tetapi beliau tiada menemui Ismail. Ibrahim lalu bertanya isteri Ismail dari hal keadaannya. Kata isteri Ismail: "Ia pergi mencari keperluan kami". Kemudian Ibrahim menanyakan dari hal penghidupan dan mereka. Kata perempuan itu: "Kami dalam keadaan sengsara, kami dalam kesempitan dan kesusahan". Ia mengadukan halnya kepada Ibrahim.

Ibrahim berkata: “Apabila sudah datang suami engkau, sampaikanlah salam kepadanya dan katakanlah baginya supaya dirobahnya bingkai pintunya”. Setelah Ismail datang, seolah-olah ia merasakan sesuatu, lalu ia bertanya: “Adakah orang datang kepadamu?” Jawabnya: “Ya ada orang tua datang kepada kami, lalu saya bercerita kepadanya. Ditanyakannya bagaimana penghidupan kita, lantas saya ceritakan bahawa sesungguhnya kita dalam kepayahan dan kesusahan”. Kata Ismail: “Adakah ia memesankan sesuatu kepada engkau?” Jawabnya: “Ya disuruhnya saya menyampaikan salam dan dikatakannya: “Ubahlah bingkai pintumu!” Kata Ismail: “Itulah ayahku!” Sebenarnya ia menyuruh saya supaya menceraikan engkau. Kembalilah engkau kepada keluarga engkau!”. Ismail pun mentalaknya. Kemudian ia kahwin dengan perempuan lain. 7. Setelah beberapa lama Ibrahim datang kembali, tetapi tidak juga menemui Ismail. Kata perempuan itu: “Ia pergi mencari keperluan kami!” Kata Ibrahim: “Bagaimana keadaanmu?” Ditanyakannya hal penghidupan dan keadaan mereka. Jawabnya: “Kami dalam keadaan baik dan lapang”. Dan perempuan itu pun memuji Tuhan. Tanya Ibrahim: “Apakah makananmu?” Jawabnya: “Daging”. Tanya Ibrahim: “Apakah minumanmu?” Jawabnya: “Air”. Doa Ibrahim: “Wahai Tuhan, berilah kiranya keberkatan untuk mereka mengenai daging dan air!” Nabi s.a.w. bersabda: “Ketika itu belum ada di situ tanaman yang berbiji. Sekiranya mereka mempunyai, nescaya Nabi Ibrahim mendoakan keberkatannya. Maka yang dua itu (daging dan air) di negeri lain dari Mekkah biarpun ada, tetapi tidak sesuai untuk dijadikan makanan pokok. Kata Nabi Ibrahim: “Apabila datang suami engkau, sampaikanlah salam kepadanya, dan suruhlah ia supaya menetapkan bingkai pintunya!” Ketika Ismail datang, ia bertanya: “Adakah seorang datang kepadamu?” Jawab isterinya: “Ada! Datang kepada kami seorang tua yang baik keadaannya.” Dan perempuan itu pun memujinya.” Ia menanyakan tuan pada saya dan menanyakan bagaimana kehidupan kita, lalu saya ceritakan, bahawa sesungguhnya kita dalam keadaan baik”. Kata Ismail: “Adakah ia memesankan sesuatu kepada engkau?” Jawabnya: “Ada! Disuruhnya sampaikan salam kepada tuan dan disuruhnya supaya menetapkan bingkai pintu tuan”. Kata Ismail: “Itulah ayahku dan engkaulah yang dikatakan bingkai pintu. Beliau menyuruh saya supaya tetap beristerikan engkau”. 8. Beberapa masa kemudian sesudah itu Ibrahim datang kembali, dan didapatinya Ismail sedang meruncing anak panahnya di bawah pohon Dauhah tidak jauh dari Zamzam. Setelah ia melihat ayahnya, ia berdiri menemuinya. Keduanya lalu berpelukan sebagaimana diperbuat seorang ayah dengan anaknya dan anak dengan ayahnya. Kemudian Nabi Ibrahim berkata: “Hai Ismail! Sesungguhnya Tuhan memerintahkan satu perintah kepada saya”. Jawab Ismail: “Laksanakanlah apa yang diperintahkan Tuhan itu!” Kata Ibrahim: “Maukah engkau menolong saya?” Jawab Ismail: “Saya bersedia menolong ayah”. Kata Ibrahim: “Sesungguhnya Tuhan memerintahkan kepada saya supaya saya mendirikan Baitullah di sini”. Ia merujuk kepada tumpukan tanah yang tinggi di sekelilingnya. Sesudah itu keduanya meninggikan (memasang) batu asas Bait (Kaabah). Nabi Ismail membawa batu dan Nabi Ibrahim memasanginya. Setelah bangunan itu tinggi Ismail membawa batu (untuk berpijak Ibrahim). Ibrahim lalu berdiri di atasnya untuk memasang dan Ismail mengunjukkan batu. Kata Nabi: Keduanya meneruskan pembangunan sampai selesai, lalu berputar sekeliling Kaabah mengucapkan {“Wahai Tuhan kami! Terimalah kerja kami. Sesungguhnya Engkau mendengar lagi mengetahui!”}(Surah al-Baqarah: 127)

Terjemahan Hadis Ifki (Tuduhan Bohong)

Bahawa Saidatina Aishah r.a. berkata :1. “Rasulullah SAW apabila ingin bermusafir melakukan pengundian di antara isteri-isteri baginda, maka sesiapa yang keluar undiannya maka Rasulullah akan ditemani olehnya. Kata Aishah: Maka kami melakukan pengundian di antara kami dalam satu peperangan yang disertai oleh Rasulullah SAW, kemudian keluarlah undian bagi Aishah. Maka Aishah keluar bersama Rasulullah SAW, dan ketika itu selepas turunnya perintah berhijab. Dan aku berada dalam sekedupku. Maka kami berangkat hingga setelah Rasulullah selesai daripada peperangannya dan ingin kembali ke Madinah, baginda mengizinkan gerombolan untuk berangkat pada waktu malam. 2. Aku berdiri ketika mereka diizinkan untuk berangkat, kemudian berjalan hingga berada agak jauh daripada tentera Islam (untuk menunaikan hajat). Apabila aku selesai menunaikan hajatku, aku kembali ke gerombolan itu. Kemudian aku memegang dadaku, aku dapati kalungku buatan Zafar, Yaman telah terputus. Maka aku berpatah balik dan mencari kalungku dengan harapan menjumpainya. (Dalam masa yang sama) gerombolanku telah berangkat bersama sekedupku dalam keadaan mereka menyangka aku berada di dalamnya. Aishah berkata: Wanita-wanita pada ketika itu ringan iaitu tidak berat dengan daging dan lemak

badan, (kerana) mereka makan sedikit. Maka, mereka tidak merasa perbezaan berat sekedup itu ketika mengalih dan mengangkatnya, dan aku wanita yang masih muda. Maka unta itu dibawa pergi dan mereka pun berangkat. 3. Aku menjumpai kalungku selepas tentera-tentera itu pergi. Aku kembali ke penempatan gerombolan tadi, tetapi tiada lagi sesiapa yang tinggal. Aku kembali ke tempat rehatku sebelum ini dengan harapan gerombolan itu akan menyedari kehilanganku dan kembali kepadaku. Ketika aku duduk di situ, aku merasa mataku amat mengantuk dan aku tertidur hingga ke subuh. Manakala Safwan bin al-Mu'attol al-Salmy al-Zakwany yang berehat atau tidur pada akhir malam di belakang tentera Islam (kerana sesuatu hajat), pagi itu sampai di tempatku berehat dan dia melihat ada bayang manusia sedang tidur dan dia mendekatiku lantas mengenali apabila melihatku kerana dia pernah melihatku sebelum aku memakai hijab. Kemudian, aku terjaga kerana mendengar istirja'nya (membaca *Inna lillah wa inna ilaihi raji'un*) ketika dia mengecamku. Lantas, dia membawa haiwan tunggangannya dan mendudukkannya, lalu aku menaiki tunggangannya itu. Dia memimpin tunggangannya hinggalah kami tiba di tempat tentera Islam berehat pada waktu tengah hari yang sangat panas, lalu musnahlah segala-galanya tentang diriku (menjadi buah mulut orang) dan orang yang bertanggungjawab membesar-besarkan ialah Abdullah bin Ubai bin Salul. 4. Kami sampai di Madinah, kemudian aku jatuh sakit sebulan lamanya setelah tiba di Madinah. Dan orang ramai sibuk membicarakan tentang kata-kata dusta itu, sedangkan aku tidak mengetahui apa-apa tentang perkara itu, tetapi apa yang meragukan aku ialah aku mendapati Rasulullah tidak menunjukkan kelembutannya (perhatiannya) yang biasanya diberikan jika aku mengadu sakit. Rasulullah masuk menemui dan memberi salam kemudian berkata: "Bagaimana keadaanmu?". Ini meragukanku dan aku tidak mengesyaki sesuatu yang buruk, sehinggalah aku keluar bersama Ummu Mistoh untuk menunaikan hajat dan biasanya kami keluar pada waktu malam. Itu adalah sebelum kami menyediakan tempat berdekatan rumah kami dan kami mengikut kebiasaan Arab terdahulu dalam membersihkan diri (kerana) kami tidak selesa dengan tempat yang diletakkan berdekatan dengan rumah kami. 5. Maka aku dan Ummu Mistoh, (anak perempuan Abi Rahm bin al-Muttalib bin Abd Manaf, dan ibunya anak perempuan Sakhar bin Amir ibu saudara Abu Bakar as-Siddiq, dan anaknya Mistoh bin Uthathah bin Ubad bin Al-Muttalib) pergi menunaikan hajat. Dalam perjalanan pulang menuju ke rumahku selepas selesai urusan kami, Ummu Mistoh terjatuh kerana terpijak bajunya, dan dia berkata: "Celaka Mistoh!". Maka aku berkata kepadanya: "Alangkah buruknya apa yang kau katakan itu! Adakah kau mencela lelaki yang menyertai Perang Badar?". Kata Ummu Mistoh: "Aduhai, adakah kau tidak mendengar apa yang diperkatakannya?" Aku berkata: "Apa yang diperkatakannya?" Kata Ummu Mistoh: Dia pun menceritakan tentang tohmahan yang diperkatakan, maka sakitku menjadi bertambah teruk. Apabila aku pulang ke rumahku, Rasulullah SAW masuk menemui dan bertanya "Bagaimana keadaan mu?". Aku berkata: "Adakah Rasulullah izinkan aku balik ke rumah orang tuaku?". Kata Aishah: Aku pada ketika itu ingin mengesahkan berita itu daripada mereka. Maka Rasulullah mengizinkan aku dan aku menemui kedua ibubapaku. Aku berkata kepada ibuku: "Wahai ibuku, apakah yang diperkatakan oleh orang ramai?". Ibuku berkata: "Wahai anakku, demi Allah, mana-mana wanita jelita yang disayangi suaminya dan memiliki madu, orang akan memperkatakan tentang dirinya. "Aku berkata: "Subhanallah! Adakah mereka memperkatakan begitu dan telah sampai kepada Rasulullah SAW?". Ibuku menjawab: "Benar". 6. Aku menangis sepanjang malam itu hingga ke Subuh, hingga aku rasa habis air mata untuk menangis dan aku tidak bercelak sebelum tidur. Pagi itu, Abu Bakar masuk dan aku sedang menangis. Beliau bertanya kepada ibuku: "Apa yang menyebabkannya menangis?". Ibuku berkata: "Dia tidak mengetahui apa yang telah diperkatakan orang tentang dirinya. "Aku menangis lagi, kemudian bapaku berkata: "Diamlah, wahai anakku". Aku menangis tidak berhenti-henti dan aku tidak bercelak untuk tidur pada malam seterusnya, kemudian aku menangis lagi pada malam seterusnya hingga hampir kering air mataku dan aku tidak bercelak untuk tidur malam seterusnya lagi, hingga kedua ibu bapaku merasa hampir-hampir tangisanku memecahkan dadaku". Rasulullah SAW memanggil Ali bin Abi Talib dan Usamah bin Zaid ketika wahyu tidak turun-turun, untuk meminta pendapat mereka berdua tentang perpisahan dengan isterinya. Aishah berkata: Usamah memberi pendapat kepada Rasulullah SAW berdasarkan kepada pengetahuannya bahawa isteri baginda bebas dari tohmahan dan dengan sifat pengasih yang ada pada dirinya berkata: "Wahai Rasulullah, dia adalah isterimu. Dan kami tidak mengetahui tentang dirinya melainkan perkara yang baik-baik sahaja" Manakala Ali pula berkata: "Allah tidak menyusahkanmu. Wanita selainnya masih ramai. Sekiranya engkau bertanya kepada jariyah (iaitu Barirah) tentu dia akan berkata benar kepadamu. "Maka Rasulullah pun memanggil Barirah dan bertanya: "Adakah kamu lihat sesuatu yang meragukanmu pada Aishah?". Jawab Barirah: "Demi Tuhan yang mengutuskanmu dengan kebenaran, aku tidak melihat sesuatu perkara pun yang meragukan padanya, paling tidak pun dia masih muda. Dia pernah tertidur ketika menjaga masakan keluarganya sehingga tidak

sedar kambing datang memakan makanan itu!” 7. Rasulullah SAW pun bangun berkhutbah, memuji Allah dengan pujian yang selayaknya, kemudia bersabda: “Wahai kaum muslimin, siapakah yang akan memohon maaf kepadaku kerana sampai kepadaku kata-katanya tentang keluargaku? Demi Allah, aku tidak tahu tentang isteriku melainkan perkara yang baik sahaja. Begitu juga mereka memperkatakan tentang lelaki (Safwan) yang tidak aku ketahui tentang dirinya melainkan yang baik, dan dia tidak pernah masuk ke rumahku melainkan aku bersamanya”. Maka bangun Saad bin Muaz Al-Ansori dan berkata: “Saya memohon maaf kepadamu, wahai Rasulullah. Sekiranya dia dari kaum Aus, kami akan penggal kepalanya dan sekiranya dia dari kaum Khazraj, arahkan kami dan kami akan patuhi arahan mu”. Kemudian bangun Saad bin Ubadah yang merupakan pemimpin kabilah Khazraj dan merupakan lelaki yang soleh tetapi telah dipengaruhi sikap perkauman: “Wahai Saad, demi Allah, kamu tidak akan membunuhnya dan kamu juga tidak mampu untuk membunuhnya!”. Maka bangun Usaid bin Khudhoir, sepupu Saad bin Muaz, lalu berkata kepada Saad bin Ubadah: “Demi Allah, kami akan membunuhnya, kamu munafiq yang mempertahankan orang munafiq!”. Keadaan gawat antara Aus dan Khazraj hingga hampir ingin berbunuhan, sedangkan Rasulullah masih berada di atas mimbar. Rasulullah terpaksa menenangkan mereka sehingga mereka semua diam. 8. Aku menangis hingga aku rasa habis air mata untuk menangis dan aku tidak bercelak sebelum tidur. Pada pagi hari kedua-dua ibubapaku berada di sisiku. Selama dua malam satu hari aku menangis sehingga tangisan memecahkan hatiku. Ketika keduanya sedang duduk di sisiku dalam keadaanku menangis datang seorang wanita Ansur meminta izin bertemu denganku dan aku izinkannya, lalu dia duduk menangis bersamaku, Aishah berkata lagi: “Ketika kami dalam keadaan begitu, Rasulullah SAW masuk bertemu kami. Baginda tidak duduk disisiku sejak orang memperkatakan tentang berita itu, dan telah berlalu sebulan wahyu tidak turun, kemudian baginda duduk di sisiku. Aishah berkata: Rasulullah mengucap syahadah ketika baginda duduk, lalu bersabda: “Wahai Aishah, telah sampai kepadaku tentang dirimu begitu dan begini. Sekiranya engkau bebas (tidak bersalah), maka Allah akan membebaskanmu (mensucikanmu), dan sekiranya dirimu berdosa, beristighfar dan bertaubatlah kepada Allah. Sesungguhnya seseorang hamba jika mengakui dosanya kemudian bertaubat, Allah akan mengampuninya. 9. Apabila Rasulullah selesai berkata-kata, mengalir air mataku hingga aku tak mampu menangis lagi, aku berkata kepada bapaku: “Jawablah bagi pihakku kepada Rasulullah SAW”. Bapaku berkata: “Demi Allah, aku tidak tahu apa yang mesti aku perikatakan kepada Rasulullah SAW”. Lalu aku berkata kepada ibuku: “Jawablah kepada Rasulullah SAW untukku”. Ibuku berkata: “Demi Allah, aku tidak mengetahui apa yang perlu aku perikatakan kepada Rasulullah SAW. Aku berkata: “Aku wanita yang masih remaja, tidak banyak membaca Al-Quran. Sesungguhnya, Demi Allah aku mengetahui engkau telah mendengar tentang ini hingga membekas dalam dirimu, hingga engkau pun seolah-olah mempercayainya. Sekiranya aku mengatakan aku bebas, yang Allah mengetahui aku memang bebas, tetapi engkau tidak mempercayainya. Sekiranya aku mengakui perkara itu, yang Allah mengetahui bahawa aku bebas, engkau tentu akan percaya. Sesungguhnya Demi Allah, aku tidak ada contoh melainkan sebagaimana kata-kata bapa Yusuf (Nabi Yaaqub): { Maka kesabaran yang baik itulah kesabaranku }. (Surah Yusuf:18) Kemudian aku berpaling dan berbaring di pembaringanku, sesungguhnya demi Allah aku bebas dan Allah akan membebaskanku, tetapi aku tidak menyangka wahyu akan turun sebagai ayat Al-Quran yang dibaca, kerana aku merasa kerdil untuk Allah membicarakan tentang diriku melalui ayat yang dibaca, tetapi aku berharap wahyu turun kepada Rasulullah tentang diriku dalam bentuk mimpi yang dialami oleh Rasulullah di dalam tidurnya yang membebaskan aku dari tohmahan ini. Aishah berkata: Demi Allah, Rasulullah tidak berganjak dari tempat duduknya dan tiada seorang pun yang keluar dari rumah kami sehingga Allah menurunkan wahyu kepada NabiNya. Kemudian baginda mengambil apa yang biasa digunakan ketika turunnya wahyu, sehingga baginda bercucuran peluh seumpama berlian pada musim sejuk dek kerana beratnya wahyu yang turun kepada baginda. Aishah berkata: Apabila selesai, Rasulullah ketawa, dan perkataan pertama yang keluar daripada Rasulullah ialah: “Bergembiralah, wahai Aishah, sesungguhnya Allah telah membebaskanmu!” 10. Maka ibuku berkata kepadaku: “Bangunlah kepada Rasulullah”. Aku berkata: “Demi Allah, aku tidak bangun kepadanya dan aku tidak memuji selain Allah. Dia yang menurunkan ayat membebaskanku. “Allah telah menurunkan ayat: Yang bermaksud “Sesungguhnya orang-orang yang membawa berita bohong itu adalah daripada golongan kamu juga”) sepuluh ayat, dan ayat ini turun untuk membebaskan aku (dari tohmahan). Aishah berkata: Abu Bakar yang sebelum ini memberi nafkah kepada Mistoh kerana hubungan kerabat dan kemiskinannya berkata: “Demi Allah, aku tidak akan membelanjakan sesuatu untuknya selama-lamanya selepas apa yang dikatakan Mistoh terhadap Aishah!” Aishah berkata: Maka turunlah ayat: Yang bermaksud: {Dan janganlah orang-orang yang

mempunyai kelebihan dan kelapangan di antara kamu bersumpah bahawa mereka (tidak) akan memberi (bantuan) kepada kerabatnya, orang-orang miskin dan orang-orang yang berhijrah pada jalan Allah, dan hendaklah mereka memaafkan dan berlapang dada. Apakah kamu tidak ingin bahawa Allah mengampunimu. Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.}(Surah al-nur:22) Abu Bakar berkata: “Aku mahu Allah mengampuniku”. Maka beliau mengembalikan nafkah yang sebelum ini diberi kepada Mistoh dan berkata: “Demi Allah, aku tidak akan menariknya daripada Mistoh selama-lamanya”.

II. Aishah berkata: Rasulullah bertanya Zainab binti Jahsy tentang diriku, mengenai apa yang dilihat dan didengarinya. Zainab berkata: “Wahai Rasulullah, aku menjaga pandanganku dan pendengaranku. Aku tidak melihat tentang dirinya melainkan yang baik”. Kata Aishah: Zainab membelaku, dan Allah memeliharanya dengan sifat wara’.

PERTAMA: ANALISIS AMALAN WACANA

Analisis amalan wacana difokuskan kepada penghuraian dari sudut pemprosesannya iaitu bagaimana ia dihasil dan disebar serta bentuk penggunaannya dan kepelbagaian teks (intertekstualiti) yang dimanfaatkan oleh perawi dalam proses penghasilan teks hadis.

1. Hadis Ummu Ismail.

Analisis proses penghasilan, penyebaran dan penggunaan teks.

Analisis penghasilan melibatkan proses intertekstualiti yang bermaksud sesuatu wacana itu bergantung kepada wacana yang lain yang merupakan pengetahuannya terhadap perkara yang dibaca atau didengarnya lalu menghasilkan sebahagian daripada pemikirannya. Unsur intertekstualiti dalam teks hadis ini melatari sejak dari awal hingga akhirnya dengan beberapa kategori. Walaupun ianya didahului dengan kata Ibn Abbas RH, namun ia sebenarnya membayangkan mendapat sumber maklumat ini daripada Rasulullah SAW dan hanya membuat penegasan ketara pada ayat tertentu dengan mengucapkan sabda Nabi SAW. Perawi Ibn Abbas RH juga membuat penyisian yang jelas kata-kata Ummu Ismail, Nabi Ibrahim AS dan malaikat Jibril AS. Manakala ada kata-kata Nabi Ibrahim yang dibayangkan di dalam firman Allah SWT ditanda dengan tanda kurungan ({ }) iaitu doa Nabi Ibrahim yang dirakamkan oleh Allah SWT di dalam surah Ibrahim: 37, dan di akhir hadis dirakamkan di dalam Surah al-Baqarah: 127.

Analisis proses penyebaran.

Proses penyebaran berlaku dari Ibn Abbas RH di mana terdapat dua periwayatan dengan jalur perawi yang berbeza di mana semuanya berakhir pada Ibn Abbas. Riwayat yang berbeza juga menyebabkan matan yang sedikit berbeza.

Teks di atas daripada Abdullah bin Muhammad-- daripada Abd Razaq-- daripada Mu'ammarr-- daripada Ayyub al-Sikhtiyani dan Kathir bin Kathir bin al-Muttalib bin Abi Wadaa'ah yang mana kedua-dua Ayyub dan Kathir masing-masing menokok di antara satu sama lain daripada Sa'id bin Jabir daripada Ibn Abbas.

Manakala satu lagi riwayat diambil oleh Imam Bukhari-- daripada Abdullah bin Muhammad-- daripada Abu A'mir Abdul Malik --daripada A'mru yang mengambil --daripada Ibrahim bin Nafi' -- daripada Kathir bin Kathir, lalu riwayat ini bertemu pada Kathir yang mengambilnya-- daripada Sa'id bin Jabir-- daripada Ibn Abbas.

Setelah terkumpul secara bertulis oleh para muhaddithin, maka penyebarannya meluas ke segenap tempat dan zaman hinggalah ke zaman ini. Lebih-lebih lagi di zaman teknologi maklumat telah membantu memudahkan pencarian dan keterangan berkenaan hadis ini.

Analisis Proses Pemanfaatan.

Dari sudut penggunaan teks, kisah Nabi Ibrahim AS ini boleh dimanfaatkan daripada banyak sudut iaitu:

- i. Pemanfaatan kepada suami yang berjihad di jalan Allah: Nabi Ibrahim sebagai pendakwah dan ujian Allah SWT terhadap baginda supaya meninggalkan keluarga tercinta di suatu tempat yang gersang dengan hanya berbekalkan sedikit makanan dan minuman. Hak keluarganya terbela apabila baginda membela hak Allah SWT. Nabi Ibrahim sebagai suami juga tidak mengabaikan tanggungjawab sebagai ketua keluarga apabila sentiasa memantau dari masa ke semasa keadaan keluarga baginda.
- ii. Pemanfaatan kepada wanita: Transformasi Ummu Ismail menjadi wanita yang unggul walaupun pada asalnya hanyalah seorang hamba kepada Siti Sarah isteri Nabi Ibrahim AS. Beliau diangkat darjatnya di sisi Allah SWT kerana kesabaran beliau menghadapi segala cabaran hidup walaupun terpaksa membesarkan anak sendirian di tempat yang gersang. Hasil tindakannya yang berasaskan keimanan beliau telah diberkati oleh Allah dengan merakam perbuatannya dalam ibadah sa'I, sebagai kewajipan haji iaitu rukun kelima dalam Islam dan turut diikuti oleh setiap yang bergelar mu'min. Ia juga menjadi pengajaran kepada golongan isteri supaya menjadi pengurus rumahtangga yang baik dan menjalankan segala tanggungjawab dan hak yang telah ditetapkan dalam Islam dan semasa ketiadaan suaminya perlu menjaga nama baik keluarga di mana sahaja berada. Dengan ini wanita mendapat kemuliaan di sisi Allah dan masyarakat.
- iii. Pemanfaatan kepada anak: Ketaatan Nabi Ismail sebagai seorang anak yang walaupun hanya dibesarkan oleh ibu tanpa belaian bapa, namun hasil tarbiyah seorang ibu yang kukuh berpegang pada Allah SWT menjadikan baginda seorang anak yang hebat lagi taat.
- iv. Pemanfaatan sumber: Keberkatan air zamzam yang terpancar dari berkat doa seorang Nabi yang ikhlas dan doa seorang ibu yang hanya mengharapkan pertolongan Allah SWT diwaktu kesempitan. Sumber ini dikuasai sepenuhnya dan diurustadbir dengan sebaiknya oleh Ummu Ismail sebagai punca rezeki.
- v. Pemanfaatan doa: Doa adalah senjata seorang Muslim dalam keadaan ia sudah tidak berdaya lagi melakukan usaha lalu diserahkan urusannya kepada Penciptanya yang Maha Berkuasa.
- vi. Pemanfaatan kepada para isteri: supaya tidak mendedahkan keaiban rumahtangga kepada orang yang tidak dikenali, menghargai dan memandang tinggi kepada suami serta mensyukuri nikmat kurniaan Ilahi.
- vii. Banyak lagi boleh dimanfaatkan daripada hadis ini dan ia sentiasa boleh dikaji daripada pelbagai sudut.

2. Hadis *Ifki*

Analisis proses penghasilan, penyebaran dan penggunaan teks

Penggunaan kata bersumberkan perawi sendiri iaitu Aishah RH dalam menceritakan kisah pembohongan terhadap beliau dengan menggunakan ganti nama "aku". Riwayat ini membuat penyisiran jelas terhadap sabda Rasulullah SAW, selain dari kata-kata ayah dan ibunya, Ummu Mistah, Usamah bin Zaid, Ali bin Abi Talib, Saad bin Muaz dan Usaid bin Khidhir daripada kabilah Aus, Saad bin Ubadah ketua kabilah Khazraj, Zainab binti Jahsy dan juga Barirah. Juga terdapat unsur intertekstualiti dengan penegasan ketara atas firman Allah di dalam surah Yusuf ayat 18 dan surah al-Nur ayat 22. Terdapat dua kali ulangan kata "*Qalat*" yang bermaksud 'kata Aishah RH' yang menunjukkan seolah-olah hasil percantuman riwayat lain di dalamnya.

Analisis proses penyebaran

Hadis ini diriwayatkan oleh ramai tabi'in melalui jalur-jalur yang berbeza namun akhirnya bertemu pada Urwah bin al-Zubair, Sa'id bin al-Musaiyib, 'Alqamah ibn Waqqas al-Laithi dan Ubaidillah bin Abdullah bin 'Atabah bin Mas'ud. Sesetengahnya membenarkan yang lain dan ada yang lebih atau kurang dari yang lain. Sementara di dalam satu riwayat Falih pula ada penambahan had qazaf yang dikenakan. Ini menunjukkan kisah ini telah tersebar luas dan dibincangkan dalam kitab Sahih Bukhari dalam huraian ayat Surah al-Nur ayat 11-20 dan beberapa bab lain iaitu bab peperangan (al-Maghazi), bab perjanjian dan nazar (al-Aiman wa an-Nuzur), jihad, tauhid, shahadat dan lain-lain. Kisah ini mendapat perhatian kerana ia membabitkan beberapa hukum syariat terutamanya jenayah melemparkan tuduhan dan perihal penyaksian. Pentashihan daripada Imam Bukhari dan beberapa kitab hadis yang lain terhadap hadis ini menjadikannya tersebar luas sehingga ke zaman ini melalui pelbagai medium.

Analisis proses pemanfaatan

Dari sudut pemanfaatan dan penggunaan teks, kisah al-Ifki ni boleh dimanfaatkan daripada banyak sudut iaitu:

- i. Pemanfaatan kepada golongan teraniaya: Pembohongan yang diada-adakan oleh golongan munafiqin telah menjatuhkan maruah seorang wanita suci daripada keluarga mulia dan tinggal bersama dengan semulia-mulia manusia iaitu Rasulullah SAW. Namun keyakinan diri wanita ini terhadap kesuciannya akan mendapat pembelaan daripada Allah SWT mentransformasinya menjadi seorang yang kuat dan tabah menghadapi cabaran ini. Kisah ini menggambarkan pendirian teguhnya dan ia menjadi iktibar kepada orang-orang yang dilemparkan dengan fitnah keji terutamanya wanita supaya bersikap seperti yang dicontohi daripada Aishah RH. Al-Quran mengajarkan agar mendatangkan empat (4) saksi atas tuduhan keji yang dilontarkan supaya orang tidak sewenang-wenangnya membuat tuduhan melulu tanpa menyiasat terlebih dahulu.
- ii. Pemanfaatan kepada wanita: Kisah ini memberi iktibar kepada wanita supaya berfikir dan bertindak dengan matang kerana kecuaiian dan kealpaan boleh mengundang fitnah dan masalah kepada diri sendiri terutamanya dalam hal pergaulan dengan lelaki yang bukan mahramnya tidak kira dalam apa situasi pun. Lebih-lebih lagi di zaman globalisasi wanita tidak hanya bergaul di alam nyata bahkan di laman-laman sosial, di alam maya yang mendedahkan mereka kepada fitnah yang lebih banyak.
- iii. Pemanfaatan kepada suami; Kisah ini menunjukkan contoh Rasulullah SAW dalam menghadapi situasi ujian dan cabaran, tidak mudah melatah bahkan bertindak mencari jalan penyelesaian terbaik bagi masalah yang dihadapi. Di samping itu baginda juga tidak bertindak secara emosional malah banyak bergantung kepada Allah SWT.
- iii. Pemanfaatan kepada ibu bapa supaya sentiasa memberi perlindungan kepada anak walaupun telah bersuami serta menjadi tempat rujuk mereka ketika ditimpa masalah. Institusi keibubapaan adalah sepanjang hayat dan mereka bertanggungjawab kepada anak sebagaimana anak juga bertanggungjawab terhadap ibu bapanya.
- iv. Pemanfaatan kepada para mu'min supaya masing-masing menyokong antara satu sama lain dan tidak cepat mempercayai berita buruk tentang sahabat serta memberikan nasihat terbaik kepada sahabat yang meminta. Mereka juga perlu bersatu di atas nama Islam tanpa mengira bangsa.
- v. Banyak lagi pemanfaatan dari sudut hukum syariah dan lain-lain yang boleh diambil daripada hadis ini yang menunjuk cara dan solusi kepada beberapa persoalan hidup.

KEDUA: ANALISIS STRUKTUR HADIS

Analisis struktur merujuk kepada jenis (genre) wacana sama ada berbentuk naratif, interaktif, interpretatif, argumentatif dan lain-lain. Kedua-dua hadis ini mempunyai persamaan dari segi genre iaitu hadis yang panjang berbentuk naratif, deskriptif, interaktif dan ekspresif. Teks yang berbentuk naratif menceritakan peristiwa dengan latar masa, tempat dan masyarakat tertentu secara kronologi ataupun dengan teknik lain yang boleh memberi kesan kepada penerimanya. Teks interaktif yang diselitkan di dalam naratif berperanan untuk menjelaskan kedudukan sosial, mengungkapkan perasaan watak-watak di dalam teks serta menghidupkan suasana yang berlaku. Teknik yang biasa digunakan ialah percakapan sehalu atau dua hala atau soal-jawab ringkas.

Bentuk analisis	Hadis Ummu Ismail	Hadis Ifk
Genre	Naratif deskriptif interaktif	Naratif deskriptif interaktif ekspresif
Pemerenggan	Boleh dibahagikan kepada 8 perenggan	Boleh dibahagikan kepada 11 perenggan
Struktur	mukaddimah, isi berbentuk pengembangan, klimaks dan peleraian serta diakhiri dengan penutup	mukaddimah, isi berbentuk pengembangan, klimaks dan peleraian serta diakhiri dengan penutup
Teknik naratif	Mengikut kronologi peristiwa	Mengikut latar masa, tempat, masyarakat
Teknik interaktif	Sehalu (perenggan 2) Dua hala (perenggan 5,6,7,8) Monolog (perenggan 4)	Sehalu (perenggan 2,8,9) Dua hala (6,7,8,9,10,11)

Kedua-dua teks naratif ini menggunakan teknik periwayatan secara kronologi yang jelas dengan rentetan peristiwa berfungsi untuk diambil pengajaran dan nilai-nilai yang baik daripadanya kepada umat yang mendatang. Teknik periwayatan sebegini secara halus melampias kepada semua keluarga yang menghadapi pelbagai tribulasi dan ujian dalam kehidupan supaya mengambil contoh daripada kisah Ummu Isma'il dan Aishah RH untuk membina kekuatan diri dan keluarga dan akhirnya mendapat kemuliaan dan penghormatan dalam masyarakat.

Teks interaktif yang diselitkan di dalam naratif kedua-dua hadis menjelaskan kedudukan sosial kedua-dua wanita dan perasaan mereka saat ditinggal atau menghadapi tuduhan bohong. Dengan teknik monolog, sehalu dan dua hala membentuk jati diri wanita dan pembaca untuk berpendirian teguh di atas jalan Allah SWT dan bertindak sebagaimana ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Daripada analisis genre teks membuktikan bahawa struktur periwayatan teks hadis berkesan sebagai cara memahami kaedah menangani cabaran wanita. Struktur berbentuk naratif menjelaskan permasalahan, keadaan sosial, pandangan, pendirian dan keperibadian pewacana. Begitu juga bentuk interaktif sekalipun sedikit penyisipan menjelaskan peranan watak serta hubungan antara satu sama lain dan memberi kesan emosi untuk diambil pengajaran. Intertekstualiti teks memberi gambaran kepada pembaca sumber yang diambil dan pegangan pewacana yang berasaskan manhaj rabbani.

PERBINCANGAN

Analisis pemrosesannya iaitu bagaimana ia dihasil dan disebar serta bentuk penggunaannya menunjukkan hadis ini amat penting juga kepada umat Islam dan bukan mengandungi hanya semata-mata kisah Nabi Ibrahim AS dan keluarganya atau luahan hati Saiyidatina Aishah RH. Bahkan lebih daripada itu ia merupakan sumber inspirasi kepada semua khususnya wanita Islam supaya mencontohi transformasi Ummu Isma'il dan Aishah RH yang menjadi kuat dan sabar dengan ketentuan Ilahi terhadap mereka berdua kerana memahami prinsip asas Islam iaitu mendahului Allah melebihi segalanya serta yakin yang Allah sentiasa bersama.

Proses penghasilannya amat menitik beratkan persoalan keimanan untuk diketengahkan dengan memasukkan interteks yang berbentuk penegasan daripada Rasulullah SAW dan juga rakaman kata-kata

yang terkandung dalam al-Quran. Ia juga diperkuat dengan dialog-dialog dalam bentuk penyisipan kata-kata watak-watak yang terlibat untuk memberi kesan yang mendalam kepada diri pembaca disegenap lapisan setelah ia disebarkan dari satu generasi ke generasi yang lain. Dialog dalam bentuk mudah adalah lebih dekat kepada penggunaannya untuk menghayati peristiwa yang berlaku dan menghubungkaitkan dengan diri pengguna atau pembaca teks untuk turut membuat transformasi yang sama sebagaimana Ummu Ismai'il dan Aishah RH.

Dari sudut penggunaannya mendapati transformasi seorang wanita berlaku apabila beliau redha dengan ketentuan Ilahi dan bersabar mengharungi segala kesukaran. Dalam hadis di atas, Ummu Ismail dengan pegangan keimanan yang kuat menjadikan beliau bersabar menghadapi permasalahan hidup dan pelbagai cabaran ditinggalkan suami sebagai pelindung namun akhirnya mendapat perlindungan yang lebih istimewa dari Allah SWT yang menjadikannya kuat serta memberikannya ketenangan hidup.

Amalan wacana dalam penghasilan, penyebaran, penggunaan dan intertekstual ini menggalakkan amal soleh yang diseru dalam wacana Islam. Asas keimanan dan amal soleh yang dihayati dalam mengharungi segala cabaran dan kesukaran hidup inilah merupakan prinsip dalam transformasi wanita Muslim. Sementara analisis genre wacana menunjukkan hadis panjang dalam bentuk naratif interaktif amat berkesan untuk memberi kesan kepada pengguna membuat transformasi diri apabila mereka meletakkan diri di tempat watak yang diriwayatkan dan menghayati pegangannya.

Hadis-hadis seperti ini kurang mendapat tempat di kalangan pengkaji Islam kerana ia hanya meriwayatkan peristiwa yang berlaku. Ia hanya diambil dalam bentuk penceritaan am dan tidak dikaji secara menyeluruh. Pengabaian terhadap kepentingan hadis-hadis berbentuk sirah seperti ini untuk dianalisis menjadikan ramai yang mengambil pendekatan barat atau tradisional dalam menghadapi cabaran dan permasalahan hidup sehingga menyebabkan pertambahan musibah.

KESIMPULAN

Perbincangan di atas menjawab persoalan kajian bagaimanakah amalan wacana dan struktur bahasa Rasulullah SAW memberi sumbangan dalam menangani cabaran yang dilalui oleh wanita, aplikasinya kepada semua wanita adalah sama dan semakin tinggi nilai keimanan, amal soleh dan pegangan agama seseorang maka ia akan semakin tinggi di sisi Allah SWT dan masyarakat. Oleh itu setiap umat Islam perlu mengkaji banyak lagi hadis untuk mencungkil proses sosial yang terkandung di dalamnya.

BIBLIOGRAFI

- Abu Audah, Audah Khalil. (1991). *Bina' al-Jumlah fi al-Hadith al-Nabawi al-Sharif fi al-Sahihayn*. Amman: Dar al-Basyir.
- Ahmadi, Khaulah & Sahrawi, Nazihah. (2013). *Asalib Hiwar al-Rasul ma'a Zaujatihi ka Namuzaj li Tahqiq Fa'aliyat al-Hiwar wa al-Tawafuq al-Zawaji fi al-Ushrah al-Jaza'iriyah*. Kertas kerja dibentangkan dalam Persidangan Kebangsaan ke-2 Komunikasi dalam Kehidupan Rumahtangga, Algiers, Algeria. <http://manifest.univouargla.dz/index.php/archives/archive/facult%C3%A9-des-sciences-sociales-et-sciences-humaines/57>.
- al-'Aini, Badr al-Din. (1972). *'Umdah al-Qari Sharh Sahih al-Bukhari*. Jilid 1. Kaherah: Maktabah Albani alHalabi.
- al-Munjid, Muhammad Saleh. t.t. *al-Asalib al-Nabawiyah fi Mu'alajah al-Akhta'*. Dimuat turun pada 22 Jun 2014 daripada http://d1.islamhouse.com/data/ar/ih_books/single/ar_the_prophet_methods_for_correcting_People_mistakes.pdf
- al-Salih, Subhi. (2000). *Mabahith fi 'Ulum al-Hadith wa Mustolahih: 'Ardh wa Dirasah*. Cetakan ke- 24. Beirut: Dar al-Ilm li al-Malayin.
- al-Shahud, 'Ali bin Naif. 2009. *Minhaj al-Rasul s.a.w. fi Tashih al-Akhta'*. Pahang Darul Ma'mur. Dimuat turun pada 22 November 2014 daripada <http://shamela.ws/rep.php/book/1033>
- al-Siba'i, Mustafa. (1999). *al-Mar'ah bayna al-Fiqh wa al-Qanun*. Cetakan ke-7. Damsyik: Dar al-Warraaq.
- al-Tantawi, 'Ali. (1989). *Ta'rif 'Am bi Din al-Islam*. Cetakan ke-13. Kaherah: Dar al-Wafa'.
- al-Za'biy, Muhammad Muslih. (2008). *al-Hiwar al-Nabawiy ma'a al-Mar'ah fi Bina' Shaksiyyatuha*. Jordan Journal of Islamic Studies.5(3): 5315.
- Awang Sariyan. (2007). *Perkembangan Falsafah Bahasa dan Pemikiran dalam Linguistik*. Petaling Jaya: Sasbadi.
- Ayub, Khalil Muhammad. (2012). *Uslub al-Hiwar fi al-Hadith al-Nabawi*. Damsyik: Dar al-Nawadir.

- Al-Bukhari, Muhammad. (1997). *Shahih Bukhari*. Cetakan ke-5. Terjemahan H. Zainuddin Hamidy, H. Fachruddin Hs, H. Nashruddin Thaha. Klang: Klang Book Centre.
- Fairclough, N. (1989). *Language and Power*. London: Longman.
- Fairclough, N. (1992). *Discourse and Sosial Change*. Cambridge: Polity Press.
- Fairclough, N. (1995). *Critical Discourse Analysis: The Critical Study of Language*. London: Longman.
- Fairclough, N. (2002). *Analysing Discourse: Textual analysis for Social Research*. London: Routledge.
- Fairclough, Norman. (2003). *Analysing Discourse: Textual Analysis for Sosial Research*. New York: Routledge.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, Ahmad bin Ali. (1986). *Fath al-Bari Sharh al-Bukhari*. Kaherah: Dar al-Rayyan li al-Turath.
- Ibrahim, Nasir Radhi al-Zuhri. (2008). *Balaghah al-Rasul fi Taqvim akhta' al-Nas wa Islah al-Mujtama': Dirasah fi al-Sahihayn*. Kaherah: Dar al-Basa'ir.
- Idris Aman. (2006). *Bahasa dan Kepimpinan. Analisis Wacana Mahathir Mohamad*. Bangi: Penerbit UKM.
- al-Jurjani, Abd al-Qahir. (2001). *Dala'il al-I'jaz fi Ilm al-Ma'ani*. Edit: Sa'ad Karim al-Faqiy. Al-Mansurah: Dar al-Yaqin.
- Mohd Akil Muhammad Ali, Mazlan Ibrahim, Dwi Sukmanilla Sayska. (2011). Hadith "anti-wanita" berkenaan dengan Kehidupan Rumah Tangga: Kajian Kritik terhadap Feminis Liberal. *al-Bayan: Jurnal al-Qur'an dan al-Hadith*, 9: 135-166.
- Mohd. Azidan Abdul Jabar. (2010). *Analisis Wacana Arab*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- al-Moumani, Insaf. (2013). *Hadyu al-Nabawiy s.a.w. Fi al-Ta'amul Ma'a Zaujatihi (Aishah Ummul Mu'minin RH Namuzajan)*. Jeddah: King Abdul Aziz University Press.
- Munif Zariruddin Fikri bin Nordin. (2008). *Bahasa Kepimpinan Rasulullah s.a.w.: Analisis Wacana Khutbah Ghazawat al-Rasul*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Munif Zariruddin Fikri bin Nordin. (2012). Analisis Wacana Prinsip Kesantunan Berbahasa dalam al-Quran dan Hadis. Dlm Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar, Maslida Yusof (penyunting), *Prinsip dan Aplikasi Kesantunan Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 'Umar, Kawthar Muhammad. (1997). *'Awamil Istiqrar al-Ussrah fi al-Kitab wa al-Sunnah*. Beirut: Dar Khudhar Li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- 'Umar, Mukhtar Ibrahim. (2011). *al-Tariqah al-Nabawiyah fi Halli Khilafat al-Zaujiyyah*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.